



## 76 pembentang berkumpul sempena Persidangan TVET dan Keusahawanan Antarabangsa 2022

Roshlawaty Md Raieh

11 Oct 2022 03:54pm

Seramai 76 pembentang dari politeknik, kolej komuniti seluruh Malaysia dan Politeknik Negeri Medan, Indonesia, telah mengikuti Persidangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Keusahawanan Antarabangsa 2022 yang diadakan secara dalam talian, baru-baru ini.

Persidangan antarabangsa yang bertemakan ‘Memupuk Keusahawanan Tekno Dalam Institusi TVET ke Arah Kelestarian Global’ adalah anjuran bersama antara Politeknik Negeri Medan; Kementerian Pengajian Tinggi (KPT); Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta Politeknik Kota Bharu, Kelantan.

Objektif utama persidangan adalah untuk berkongsi maklumat penyelidikan yang telah dan sedang dijalankan; mendapat maklum balas keberkesanan penyelidikan yang dijalankan dan mengenal pasti keperluan penyelidikan pada masa akan datang.

Persidangan yang diadakan selama dua hari itu telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JPPKK, Ts Zainab Ahmad.

Dalam persidangan tersebut, sebanyak 86 kertas kerja telah dibentangkan yang meliputi pelbagai disiplin seperti kejuruteraan, e-pembelajaran, pengurusan dan perniagaan, keusahawanan, sains dan teknologi, teknologi maklumat, pendidikan vokasional serta sains sosial.

Dalam pada itu, Zainab berkata, usahawan teknologi adalah mereka yang akan menyokong ekonomi melalui sumbangan kepada pertumbuhan industri kecil dan sederhana.

Ini kerana, ujarnya, usahawan teknologi boleh membuka peluang pekerjaan dan memberi motivasi serta memimpin orang lain untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif demi kelestarian global.

Dalam hal ini, jelas Zainab, TVET adalah talian hayat untuk usahawan teknologi masa depan kerana ia penting untuk menyokong keberkesanan latihan berkaitan keusahawanan teknologi.

Sementara itu, menurut Pengarah Politeknik Kota Bharu, Rosli Idris, persidangan yang diadakan itu secara tidak langsung menggalakkan dan menyokong pembangunan konsep inovatif dalam bidang keusahawanan teknologi.

Sepanjang persidangan berlangsung, kertas kerja *Design and Build Prototype of Automatic Parking Lighting Lights* dari Politeknik Medan dan *Compressive Strength Study of Concrete With Bacillus Subtilis Additives* dari Politeknik Kota Bharu telah terpilih sebagai kertas kerja terbaik bagi kategori bidang kejuruteraan.

Manakala bagi bidang bukan kejuruteraan, kertas kerja *Mengkaji Niat Pengguna Wanita Terhadap Penggunaan Produk Kosmetik Mesra Alam: Faktor Sikap Sebagai Mediasi Kajian* dari Kolej Komuniti Bagan Serai dan *The Mediating Role Of Affectionate Commitment In The Relationship Between Motivation And Work Performance* dari Politeknik Kota Bharu telah terpilih sebagai kertas kerja terbaik.

Sumber : <https://sinarbestari.sinarharian.com.my/ipt/76-pembentang-berkumpul-sempena-persidangan-tvet-dan-keusahawanan-antarabangsa-2022>